



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN FAEDAH
KOD KURSUS : DSM3203
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: : **BAHAGIAN A (100 Markah)**
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Encik Ilham merupakan seorang Jurutera. Beliau telah ditawarkan gaji yang tinggi kerana mempunyai ijazah dalam bidang kejuruteraan elekrik. Beliau juga mempunyai pengalaman kerja melebihi lima tahun serta pakar dalam bidang teknologi maklumat.

- a. Terangkan jenis sistem bayaran gaji yang akan dibayar kepada Encik Ilham.
(10 markah)

- b. Apakah kriteria yang akan diambil kira oleh majikan dalam menentukan gaji Encik Ilham?
(10 markah)

SOALAN 2

- a. Jelaskan kepentingan pelan insentif kepada organisasi.
(10 markah)

- b. Dalam menentukan perancangan insentif pada tahun 2022, mengapakah syarikat Ilham lebih cenderung untuk memilih insentif berkelompok berbanding insentif individu?
(10 markah)

SOALAN 3

- a. Petikan 1 adalah tentang pelaksanaan Perintah Gaji Minimum.

KUALA LUMPUR: Hasil kajian terhadap gaji minimum pekerja akan dibentangkan ke Kabinet pada suku keempat tahun ini. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim berkata, kajian itu sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara yang ditubuhkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Katanya, ia selaras dengan Seksyen 25 (1), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 iaitu Akta 732 yang memperuntukkan kajian terhadap perintah gaji minimum perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun.

Sumber Utusan Malaysia Online, 22 September 2021

Petikan 1

Apakah faktor yang menyebabkan Kementerian Sumber Manusia melakukan kajian terhadap gaji minimum dalam setiap dua tahun?

(10 markah)

- b. Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah pihak kementerian mewajibkan setiap organisasi menyediakan faedah berkanun kepada pekerjanya?

(10 markah)

SOALAN 4

- a. Sekiranya Syarikat Brightness Sdn. Bhd. menggunakan *Piece Related System* dalam pengurusan gaji pekerja, apakah manfaat yang boleh diperoleh daripada penggunaan sistem ini?

(10 markah)

- b. Berdasarkan pengetahuan anda, adakah anda bersetuju sekiranya majikan memotong gaji pekerja atas sebab tidak hadir bekerja selama dua hari berturut-turut?

(10 markah)

SOALAN 5

Kamal merupakan seorang pekerja di Syarikat Douri Sdn. Bhd. telah mengalami hilang upaya kekal disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja. Beliau mengalami keuzuran dan menyebabkan ketidakmampuan untuk mencapai satu pertiga daripada nafkah seperti orang yang normal. Oleh itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memberikan insurans perlindungan kepada Kamal agar dapat meringankan beban untuk menyara kehidupan keluarga.

- a. Berdasarkan situasi yang menimpa Kamal, apakah skim perlindungan PERKESO yang sesuai diberikan kepada beliau?

(6 markah)

- b. Berdasarkan jawapan anda pada (a), sejauh manakah skim perlindungan berkenaan memberi faedah kepada Kamal dan keluarganya?

(14 markah)

[100 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**